



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

15 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 031/2014
Dated 18 Feb 2014**

To Members of the Malaysian Bar

**International Malaysia Law Conference 2014:
Request for Adjournment of Court Matters on 24 to 26 Sept 2014**

The Chief Justice of Malaysia, YAA Tun Arifin b Zakaria, and the President of the Industrial Court, YA Puan Susila Sithamparam, have informed us that Members who wish to attend the upcoming International Malaysia Law Conference (“IMLC”) 2014, which will take place on 24 to 26 Sept 2014 (Wednesday to Friday), are permitted to adjourn court matters fixed on those dates.

Members interested in attending IMLC 2014 are advised to apply for adjournment of court matters at least three months before the date of the event. Judges have been given the discretion to approve or reject late applications.

Please find attached the letters from the Chief Justice’s Office and the President of Industrial Court’s Office on the adjournment of court matters.

Thank you.

**Richard Wee Thiam Seng
Secretary
Malaysian Bar**



PEJABAT KETUA HAKIM NEGARA
CHIEF JUSTICE'S OFFICE
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
FEDERAL COURT OF MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
ARAS 5, PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500 / 3503 /
3505 / 3506 / 3510
Fax : 03-8880 3507 / 8888 5739
Laman Web: <http://www.kehakiman.gov.my>


KHN.009

16 Oktober 2013



Encik Christopher Leong Sau Foo
Yang Dipertua
Majlis Peguam
15 Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Encik Brendan Navin Siva
Pengerusi
Jawatankuasa Penganjur IMLC 2014
Majlis Peguam
15 Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR



Tuan,

**JEMPUTAN KE "INTERNATIONAL MALAYSIA LAW CONFERENCE"
PADA 24 – 26 SEPTEMBER 2014**

Adalah saya diarahkan oleh YAA Tun Arifin bin Zakaria, Ketua Hakim Negara untuk merujuk kepada surat tuan bertarikh **8 Oktober 2013** mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YAA Ketua Hakim Negara telah bersetuju untuk menerima jemputan ke "International Malaysia Law Conference" sebagai tetamu terhormat dan memberi ucapan pada **26 September 2014** di majlis penutup persidangan.

3. Selanjutnya YAA Ketua Hakim Negara juga tiada halangan bagi membenarkan YAA/ YA Hakim untuk menghadiri upacara perasmian dan penutupan persidangan tersebut sebagai yang dipohon oleh pihak tuan.

4. Untuk makluman tuan juga, YAA Ketua Hakim Negara turut membenarkan penangguhan kes-kes dilakukan peguam-peguam yang akan menghadiri persidangan tersebut sahaja. Walaubagaimanapun YAA Ketua Hakim Negara memohon kerjasama pihak tuan untuk memaklumkan kepada peguam-peguam yang terlibat supaya dapat memaklumkan kepada Mahkamah untuk mengosongkan tarikh dengan lebih awal, iaitu selewat-lewatnya **3 September 2014 (Rabu)**. Perkara ini adalah perlu dilakukan untuk mengelakkan kes terpaksa ditangguhkan di saat-saat akhir. Jika permohonan dibuat lewat, Hakim dan Majistret akan membuat keputusan atas budi bicara sendiri.

5. Kerjasama daripada pihak tuan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


(**NORADURA BINTI HAMZAH**)
Pegawai Khas II Kepada
Ketua Hakim Negara


s.k

- 1) Setiausaha kepada
YAA Presiden Mahkamah Rayuan
PUTRAJAYA
- 2) Setiausaha kepada
YAA Hakim Besar Malaya
PUTRAJAYA
- 3) Setiausaha kepada
YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
PUTRAJAYA

- 4) Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

- 5) Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

- 6) Timbalan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA



MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
JALAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN
50544 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-92365000
Faks : 603-26931987 (Yang DiPertua Mahkamah I)
: 603-26916418 (Pendaftar)
: 603-26912046 (Pentadbiran & Kewangan)
: 603-26912414 (Pendaftaran Kes & Mahkamah 3,21,28)
: 603-26914228 (Mahkamah 2, 4, 5, 6, 7, 15)
: 603-26912141 (Mahkamah 11, 12, 13, 14, 22, 23, 24, 25, 26, 27)
Web : www.mp.gov.my
E-Mel : mp@mohr.gov.my

Ruj Kami: MP.135/3/34/16 Jld. 2 (6)

Tarikh : 9 Disember 2013

SERAHAN TANGAN



Encik Christopher Leong Sau Foo
Presiden
Majlis Peguam
15, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR.



Tuan,

**PER : PERSIDANGAN "INTERNATIONAL MALAYSIA LAW
CONFERENCE" PADA 24 SEHINGGA 26 SEPTEMBER 2014**

Dengan hormatnya, kami merujuk kepada surat tuan bil. BC/PA/IML C2014 bertarikh 29 November 2013 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Kami telah memaklumkan kepada semua Pengerusi Mahkamah Perusahaan supaya membenarkan permohonan oleh peguam-peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes supaya mereka dapat menghadiri persidangan yang tersebut di atas.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
"Pekerja Pemangkin Transformasi Negara"



20131211-079



(SUSILA SITHAMPARAM)
Yang DiPertua
Mahkamah Perusahaan Malaysia
Kuala Lumpur.

